

23 JUL 1998

Zahir - Parlimen

CADANGAN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA BERSIDANG PAGI

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Parlimen akan membincangkan minggu depan cadangan untuk mengadakan persidangan Dewan Rakyat juga pada waktu pagi, berbanding 2.30 petang sahaja sekarang.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail berkata cadangan itu menyenarakan supaya persidangan diadakan selama enam jam sehari dan dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pertama antara 9.30 pagi dan 12.30 tengah hari dan sesi kedua antara 2.30 petang dan 5.30 petang.

"Satu jam akan diperuntukkan bagi sesi soal jawab dan lima jam diperuntukkan bagi pembentangan dan perbahasan rang undang-undang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku bertajuk "CEO Malaysia: Strategy in Nation-Building," di sini hari ini.

Mohamed Zahir berkata persidangan pagi dijangka mula dilaksanakan Oktober ini ketika belanjawan negara dibentangkan.

Beliau berkata perubahan waktu persidangan itu bertujuan mengurangkan beban kakitangan Dewan Rakyat yang terpaksa bekerja lebih masa apabila persidangan dipanjangkan hingga ke malam.

Ini turut memberikan lebih masa kepada anggota Parlimen untuk membahaskan rang undang-undang, iaitu sebanyak lima jam berbanding tiga jam sekarang, katanya.

Katanya bilangan hari diadakan persidangan juga akan dikurangkan apabila persidangan pagi mula dilaksanakan.

Kini persidangan berlangsung empat hari seminggu, Isnin hingga Khamis, mulai pukul 2.30 petang hingga 6.30 petang.

Mohamed Zahir berkata perubahan waktu itu bukanlah baru bagi Dewan Rakyat kerana persidangan waktu pagi telah dilaksanakan pada permulaan penubuhan Parlimen pada 1959.

Ditanya sama ada perubahan itu memerlukan satu rang undang-undang baru dibentangkan di Dewan Rakyat, Mohamed Zahir berkata pihaknya hanya perlu mengemukakan usul pada persidangan yang kemudiannya akan diluluskan setelah mendapat sokongan majoriti anggota Parlimen.

Menurut beliau perubahan waktu persidangan Dewan Rakyat dijangka akan turut membabitkan Dewan Negara, kerana ia dijangka akan turut mengikuti langkah Dewan Rakyat.

Buku "CEO Malaysia: Strategy in Nation-Building" dalam bahasa Inggeris berharga RM39 dalah karangan bekas Pengarang Kumpulan The Star, Hng Hung Yong.

Buku berkenaan membincangkan strategi dan falsafah yang diamalkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membangunkan negara.

-- BERNAMA

NY RI